

14/08/2005

Sri Lanka-Menteri

MENDIANG MENTERI LUAR SRI LANKA AMAT MENGAGUMI MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Lakshman Kadirgamar, Menteri Luar Sri Lanka yang dibunuh di rumahnya di Colombo Jumaat lepas, amat mengagumi Malaysia dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Semasa penulis menemubual beliau pada 1994 di kediaman peribadinya di Cinnamon Gardens, sebuah kawasan mewah di Colombo, tempat yang sama beliau disyaki dibunuh oleh dua penembak hendap, Kadirgamar tidak putus-putus memuji Malaysia dan Dr Mahathir.

Perkara yang paling tidak dapat penulis lupakan ialah tentang keadaan kediamannya yang dikawal dengan begitu ketat. Penulis terpaksa turun dari teksi kira-kira 100 meter dari jalan yang menuju ke kediamannya dengan diiringi pengawal yang bersenjata lengkap, sebelum dapat menemui menteri itu.

Di sepanjang jalan berkenaan pula, anggota tentera membuat kawalan di dalam kubu yang dibina daripada kampil pasir serta terdapat sebuah menara kawalan yang menjadikan kediamannya kelihatan seperti sebuah kota.

Para pegawai negara itu memberitahu penulis bahawa Kadirgamar adalah pemimpin yang mendapat perlindungan kedua paling ketat di Sri Lanka, selepas Presiden Chandrika Kumaratunga. Ini mudah difahami kerana walaupun berketurunan Tamil, Kadirgamar mengetuai usaha untuk mengharamkan Gerila Tamil sebagai sebuah pertubuhan pengganas.

Di tempat letak kenderaan kediaman Kadirgamar, terdapat sekurang-kurangnya empat buah kereta yang menjadi sebahagian daripada rombongannya apabila beliau menuju ke sesuatu tempat. Beliau akan menaiki sebuah daripada kereta berkenaan sebagai helah mengelabui mata mereka yang cuba membunuhnya berikutan kedudukannya di senarai teratas pemimpin yang mahu dihapuskan pengganas.

Pada akhir temubual itu, beliau menawarkan diri menghantar penulis pulang ke hotel dengan keretanya. Bagaimanapun, keikhlasan beliau ditolak dengan sopan oleh penulis.

Laporan dari Colombo menyebut bahawa pihak berkuasa Sri Lanka sedang menyiasat kegagalan badan perisikan yang membawa kepada pembunuhan Kadirgamar. Kegagalan ini amat memalukan kerana beberapa hari sebelum kejadian, langkah telah diambil untuk menambah jumlah kenderaan dalam rombongan menteri itu.

"Kawalan keselamatan ditumpukan sepenuhnya terhadap usaha memberi perlindungan kepada mendiang sepanjang perjalanannya," kata seorang pegawai kanan polis yang enggan dikenali.

Dua tahun selepas temubual itu, Kadirgamar yang menemui ajal ketika berusia 73 tahun, telah berkunjung ke Langkawi dan tiba di pulau peranginan itu dengan penerbangan pada lewat malam bagi menghadiri Dialog Langkawi yang dipengerusikan Dr Mahathir.

Beliau adalah orang yang terakhir mendaftar sebagai peserta dialog itu, yang dihadiri 250 pemimpin kerajaan dan korporat dari lebih 30 negara.

Bagaimanapun, beliau merupakan tokoh yang paling menonjol pada Dialog Langkawi 1996 kerana sifatnya yang kelakar hinggan Dr Mahathir sendiri mengaku amat sukar bagi beliau melupai Kadirgamar.

Mendiang memang bijak bermain dengan kata-kata dan Dr Mahathir begitu tertarik dengan caranya menjelaskan tentang kekacauan politik di negara-negara Asia Selatan yang disifatkan oleh Kadirgamar sebagai menyerupai apa yang berlaku di negaranya, manakala mengenai India pula, beliau berkata "demokrasi telah menjadi kacau bilau".

Kadirgamar memulakan ucapannya dengan berkata Dr Mahathir baru saja menamatkan tempoh 15 tahun memegang jawatan (ketika itu) dan oleh itu Sri Lanka ingin mengetahui rahsia beliau dalam mewujudkan kerajaan yang stabil.

" Di India dan Sri Lanka, pilihan raya kerap diadakan dan sudah menjadi adat bagi kerajaan untuk menang atau kalah. Alangkah baiknya jika di negara saya, kerajaan yang memilih rakyat dan bukan sebaliknya," katanya sambil disambut dengan hilai ketawa oleh para peserta.

Katanya lagi: "Di India dan Sri Lanka, demokrasi sering menjadi kacau bilau. Akhbar pula tak terdaya untuk dikawal, ada pelbagai masalah untuk ditangani. Alangkah bahagianya jika terdapat beberapa kelompok yang bermuafakat di tengah-tengah lautan kekacauan politik ini.

Memanglah kami telah mewujudkan demokrsi yang cergas serta amat tua usianya di Sri Lanka dan India, tapi malangnya, satu-satunya tugas pembangkang di sana ialah menjatuhkan kerajaan dengan memaksanya menggunakan semua wang dan masa yang ada bagi tujuan itu," katanya.

Kadirgamar berkata konsep perkongsian pintar antara kerajaan dan perniagaan sering disebut pada sesi dialog itu dalam mencapai keadaan menang-menang, tetapi beliau ragu konsep itu dapat berfungsi di Sri Lanka kerana sektor swastanya tidak sekata dalam memberi sokongan kepada parti politik.

Sambil memandang ke arah Dr Mahathir, orang yang dianggapnya menjadi penyebab paling kuat beliau mengambil keputusan untuk datang ke Langkawi, Kadirgamar memuji bekas perdana menteri itu sebagai pengamal perkongsian pintar paling kuat di dunia.

"Tuan Perdana Menteri, saya datang ke sini untuk mendapatkan nasihat tuan tentang cara tuan mengurus hingga menjadikan Malaysia sebuah kisah kejayaan yang amat besar."

Kadirgamar sekali lagi membuat peserta lain ketawa apabila beliau berkata: "Tapi Tuan, tolong jangan beri nasihat Tuan itu di hadapan ramai."

Beliau berkata sekalipun negara-negara Asia Selatan mengalami kekacauan politik, beliau tidak fikir rakyat negara berkenaan akan menukar sistem pemerintahan mereka biar apapun yang terjadi.

"Mereka seolah-olah menyukainya kerana di sana, politik adalah sejenis sukan. saya ingin tambah, sukan bagi simiskin."

Dr Mahathir memberitahu Kadirgamar bahawa beliau suka mendengar pelbagai ungkapan yang diucapkan oleh Menteri Luar Sri Lanka itu, terutama mengenai "demokrasi yang telah menjadikacau bilau".

"Tapi, oleh kerana menteri luar ini mahu agar saya memberi nasihat secara tertutup, saya tidak akan memberitahunya kepada tuan-tuan semua," kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberitahu Kadirgamar bahawa rakyat Malaysia bekerja dengan amat pantas bagi membantu memajukan negara mereka kerana "Perdana Menteri Malaysia sudah terlalu tua dan beliau ingin melihat hasilnya sebelum beliau bersara."

Dr Mahathir yang mencapai usia 80 tahun bulan lepas, bersara pada 2003 setelah menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

Kata-kata Kadirgamar mengenai keadaan politik yang kacau bilau di negaranya sekali lagi menjadi kenyataan apabila beliau kehilangan jawatan sebagai menteri luar pada 2001 berikutan kekalahan Parti Perikatan Rakyat pimpinan Kumuratunga dalam pilihan raya umum negara itu kepada Parti Kebangsaan Bersatu pimpinan Ranil Wickremesinghe, yang kemudiannya menjadi perdana menteri.

Bagaimanapun kerajaan Wickremesinghe yang memeterai gencatan senjata dengan pemberontak Tamil pada 2002 berikutan penentangan kumpulan itu sejak 1983 bagi mewujudkan negara berasingan hingga menyebabkan hampir 65,000 orang terkorban, tumbang setelah hanya dua tahun berkuasa berikutan satu pilihan raya tergempar yang diadakan Kumaratunga.

Dengan kemenangan parti pimpinan Kumaratunga itu, Kadirgamar sekali lagi dilantik sebagai Menteri Luar. Sejak saat itu, Kadirgamar sentiasa memberi sokongan terhadap usaha perdamaian sehinggalah beliau di tembak di kepala dan dada pada kira-kira pukul 11 malam dan meninggal dunia di Hospital Nasional selepas tengah malam.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberitahu Kadirgamar bahawa rakyat Malaysia bekerja dengan amat pantas bagi membantu memajukan negara mereka kerana "Perdana Menteri Malaysia sudah terlalu tua dan beliau ingin melihat hasilnya sebelum beliau bersara."

Dr Mahathir yang mencapai usia 80 tahun bulan lepas, bersara pada 2003 setelah menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

Kata-kata Kadirgamar mengenai keadaan politik yang kacau bilau di negaranya sekali lagi menjadi kenyataan apabila beliau kehilangan jawatan sebagai menteri luar pada 2001 berikutan kekalahan Parti Perikatan Rakyat pimpinan Kumuratunga dalam pilihan raya umum negara itu kepada Parti Kebangsaan Bersatu pimpinan Ranil Wickremesinghe, yang kemudiannya menjadi perdana menteri.

Bagaimanapun kerajaan Wickremesinghe yang memeterai gencatan senjata dengan pemberontak Tamil pada 2002 berikutan penentangan kumpulan itu sejak 1983 bagi mewujudkan negara berasingan hingga menyebabkan hampir 65,000 orang terkorban, tumbang setelah hanya dua tahun berkuasa berikutan satu pilihan raya tergepar yang diadakan Kumaratunga.

Dengan kemenangan parti pimpinan Kumaratunga itu, Kadirgamar sekali lagi dilantik sebagai Menteri Luar. Sejak saat itu, Kadirgamar sentiasa memberi sokongan terhadap usaha perdamaian sehinggalah beliau di tembak di kepala dan dada pada kira-kira pukul 11 malam dan meninggal dunia di Hospital Nasional selepas tengah malam.

-- BERNAMA

AU AU SP RON